# PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

***ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)***

***2021-2025***



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Terminal Perindustrial dan Pembangunan Usahawan (MINTRED)




**Diterbitkan Oleh:**
Unit Integriti
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri,
Terminal Perindustrian Dan Pembangunan Usahawan Sarawak
(MINTRED)
Tingkat 2,12 & 13, Wisma Sumber Alam
Jalan Stadium, Petra Jaya
93050 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel : +6082-313212
Fax : +6082-442955 (Setiausaha Tetap)
+6082-312723 (Pejabat Am, Tingkat 12)
: +6082-445337 (Pejabat Am, Tingkat 13)
Emel : mintred@sarawak.gov.my

**Hak Cipta Terpelihara**
*Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali*

**“Kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan tadbir urus dan integriti melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, bagi memastikan hasrat meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan secara telus dan berkesan”**

**YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin,
Perdana Menteri Malaysia**

**Sumber:
Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR)
Siri 12 pada 25 Jun 2020**

# Amanat Menteri

Assalamualaikum dan Salam Sejatera Sayang. Alhamdulilah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (MINTRED) telah berjaya menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi atau Organisational Anti-Corruption Plan yang dirujuk sebagai OACP MINTRED.

Saya percaya dokumen yang komprehensif ini dapat memberi panduan yang jelas kepada warga MINTRED dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantapan integriti. Inisiatif sebegini adalah penting untuk memastikan organisasi ini bebas rasuah dan memberi perkhidmatan yang diyakini rakyat. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua yang telah terlibat dalam penyediaan OACP MINTRED.

**Harapan rakyat adalah perkhidmatan awam sentiasa dibarisi oleh penjawat awam yang amanah dan cekap.** Ekspetasi rakyat terhadap kualiti perkhidmatan awam adalah tinggi memandangkan rakyat kini lebih berpendidikan dan mempunyai akses yang mudah terhadap informasi.

Mereka mahukan perkhidmatan yang baik, selamat dan tidak membebankan. Budaya rasuah, salah guna kuasa dan kelemahan tadbir urus pula menjejaskan kualiti perkhidmatan malah boleh membawa ancaman kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara. **Agenda pengukuhan tadbir urus, pemantapkan integriti dan anti-rasuah haruslah sentiasa menjadi agenda penting organisasi.**

Oleh yang demikian, biarlah pelaksanaan OACP MINTRED akan mengukuhkan komitmen warga MINTRED untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dan bebas salah laku integriti. Aspirasi Negara untuk dikenali kerana integritinya dan bukan kerana rasuahnya hendaklah didukung dengan sepenuh hati oleh warga MINTRED. Integriti Dijunjung, Maruah Disanjung!"



Integriti dijunjung
Maruah disanjung

**YB DATUK AMAR HAJI AWANG TENGAH ALI HASAN**

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak

# Penyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi

OACP MINTRED menunjukkan komitmen warga MINTRED untuk mendukung budaya kerja yang berintegriti tinggi dan perkhidmatan yang cemerlang. Ianya adalah selaras dengan aspirasi dan visi nasional berhubung agenda memerangi rasuah dalam usaha mencapai status negara maju.

Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah Strategi 2 mewajibkan setiap agensi sektor awam membangunkan OACP yang bertujuan memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dalam sektor awam.

OACP MINTRED adalah dasar antirasuah Kementerian yang menetapkan 5 strategi utama berikut untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun :

- Memperkukuhkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan projek
- Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan pengurusan program
- Memperkukuhkan keberkesanan dan kecekapan proses dan prosedur dalam permohonan lesen pengilangan dan tanah industri
- Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan
- Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan

Sistem kerja yang baik dan modal insan yang berintegriti adalah penting bagi menjamin peningkatan produktiviti dan kesejahteraan organisasi yang mampan.

Justeru itu, kami warga MINTRED beriltizam untuk melaksanakan segala inisiatif OACP MINTRED dengan jayanya. Kami berikrar untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dan **BEBAS RASUAH!**



**MINTRED dikenali kerana integriti dan perkhidmatan yang cemerlang**

**YBHG DATU LIAW SOON ENG**

Setiausaha Tetap
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak

# Komitmen Pengurusan



**Integriti** merupakan asas kepada kejayaaan sebuah organisasi. Penghasilan OACP MINTRED ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan kakitangan MINTRED sebagai sebuah pasukan untuk memastikan nilai intigriti terus subuh dan menjadi amalan. Nilai ini akan memandu MINTRED untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan dan Rakyat.

**Encik Dzulkornain bin Masron**

Ketua Bahagian
Pembangunan Usahawan



Pelan tindakan OACP perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Jika tidak, ianya hanya **pelan tindakan** secara teori saja.

**Encik Sayed Ismail Nasiruddin bin Dato' Sri Wan Hashim**

Ketua Penolong Setiausaha,
(Pembangunan Kapasiti Usahawan)



**Pembudayaan** integriti perlu diserap dalam diri setiap penjawat awam Negeri agar usaha kerajaan membentras rasuah dan penyalahgunaan kuasa tercapai. Pelan OACP ini merupakan dokumen panduan utama untuk setiap kakitangan dan organisasi masing-masing. Syabas!

**Encik Awang Putrayusrie bin Awang Redzuan**

Ketua Penolong Setiausaha,
(Pembangunan Produk Usahawan)



Semua inisiatif yang telah dikenalpasti perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Pelan ini diharapkan akan menjadi panduan kepada semua warga MINTRED untuk menjalankan **amanah** dengan penuh integriti.

**Puan Sharifah Mastura binti Wan Razali**

Ketua Penolong Setiausaha,
(Hubungan Industri)



OACP merupakan satu **inisiatif** yang baik kerana akan membantu organisasi untuk mengenalpasti dan mencegah unsur-unsur rasuah di pelbagai peringkat proses kerja melalui perancangan senario.

**Puan Cassie Tong**

Ketua Penolong Setiausaha,
(Pelesenan)



The OACP Documents are the Division/ Section's **commitment** towards ensuring public service free from the element of bribery and a reminder/ warning for us to champion **honesty** and **good governance.**

**Encik Raymond Lee Hock Sung**

Ketua Penolong Setiausaha,
(Promosi, Pelaburan & Perdagangan Antarabangsa)



Honesty, Integrity and **Perseverance**

**Cik Rose Chieng Tai Ming**

Ketua Penolong Setiausaha,
(Projek Khas)



JUDY GEORGE WAN

PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO) MINTRED

**Jujur** dan **amanah** langkah awal halang rasuah

# Mengenai OACP MINTRED

OACP MINTRED dibangunkan berdasarkan arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 dan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020 iaitu sesuai dengan strategi yang ditetapkan dalam NACP (2019-2023). Strategi ini adalah usaha berterusan kerajaan dalam memastikan perkhidmatan sektor awam bebas rasuah dan seterusnya memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

OACP MINTRED terhasil daripada perbincangan yang melibatkan semua Bahagian dan Seksyen bersama Pengurusan Tertinggi MINTRED bagi memastikan pelan yang dibangunkan meliputi semua aspek tugas-tugas utama organisasi.

Objektif utama OACP MINTRED adalah:

i. Memperkasakan dan memperkukuhkan governans, integriti dan agenda antirasuah organisasi
ii. Membudayakan amalan kerja cemerlang melalui sistem kerja dan pentadbiran yang cekap dan telus
iii. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga MINTRED dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah
iv. Melestarikan ekosistem kerja yang bebas rasuah, efisien dan selamat

Di bawah pelan ini, 5 bidang keutamaan, 5 strategi, 10 objektif strategi serta 39 inisiatif telah dirangka untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun (2021-2025). Inisiatif-inisiatif tersebut dipilih dengan mengambil kira situasi kini dan masa hadapan bagi melestarikan amalan integriti dalam organisasi. Pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan oleh Sekretariat Penyelaras OACP bagi memastikan OACP ini dilaksanakan mengikut jadual dan mencapai objektif.

Setinggi penghargaan dan tahniah kepada semua anggota MINTRED di atas kerjasama penuh dalam penghasilan dan penerbitan OACP ini. Semoga pelan ini dapat mendorong warga MINTRED agar sentiasa berintegriti dan menolak amalan rasuah.

# Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (OACP-MINTRED) 2021-2025 telah dibangunkan bagi mendukung apirasi Kerajaan Negeri untuk mencapai status negeri maju yang berintegriti tinggi menjelang tahun 2030. Pelan ini merupakan salah satu inisiatif yang wajib bagi semua agensi kerajaan menerusi Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 dan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020 Pelan OACP adalah merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

## BAB 1

Merangkumi pengenalan tentang latar belakang MINTRED, fungsi-fungsi utama serta struktur organisasi MINTRED.

Menggariskan dasar integriti dan tadbir urus di peringkat nasional serta peringkat MINTRED.

## BAB 2

Menjelaskan isu dan cabaran integriti melalui analisis dan penilaian risiko.

Menggariskan bidang keutamaan di MINTRED yang berisiko terhadap salah laku integriti.

## BAB 3

Memperkenalkan kerangka pelan antirasuah (OACP) MINTRED serta memberi tumpuan analisis pelan tindakan OACP MINTRED.

Memberi tumpuan kepada risiko salah laku integriti yang telah dikenalpasti melalui perancangan senario beserta strategi dalam memantapakan usaha dalam pencegahan masalah integriti dan rasuah.

## BAB 4

Memfokuskan kepada mekanisme pelaksanaaan dan pemantauan serta semakan semula dan pembaharuan OACP. Ini bagi memastikan semua inisiatif yang dilaksana adalah bersesuaian dengan objektif strategi yang dirangka.

# Singkatan

| | |
|---|---|
| CeIO | Pegawai Integriti Bertauliah (Certified Integrity Officer) |
| CRM | Corruption Risk Management |
| GTP | Pelan Transformasi Kerajaan |
| GTP 2.0 | Pelan Transformasi Kerajaan |
| JAR | Jawatankuasa Anti Rasuah |
| JPTO | Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Organisasi |
| JP-OACP | Jawatankuasa Pembangunan Organizational Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Organisasi) |
| OACP MINTRED | Pelan Antirasuah Organisasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (Organizational Anti-Corruption Plan Ministry of International Trade and Industry, Industrial Terminal and Entrepreneur Development) |
| NACP | National Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Nasional) |
| OACP | Organizational Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Organisasi) |
| PANS | Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak |
| PICC | Project Implementation Coordination Committee |
| PIN | Pelan Integriti Nasional |
| SOP | Standard Operating Procedure |
| SPRM | Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia |
| UNION | Unit Integriti dan Ombudsman Negeri |

# Kandungan


BAB 1

**PENGENALAN MINTRED** **11**

Latar Belakang 12
Struktur Organisasi 13
Hala Tuju Strategi MINTRED 14
Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Nasional Dan MINTRED 15

BAB 2

**ISU DAN CABARAN** **16**

Senario Rasuah Di Malaysia 17 - 20
Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah Di Sektor Awam 21
Analisa Persekitaran Dan Penilaian Risiko MINTRED 22
Bidang Keutamaan Yang Berisiko Di MINTRED 23

BAB 3

**KERANGKA OACP MINTRED** **24**

Keperluan OACP-MINTRED 25 - 26
Visi, Misi, Matlamat Dan Strategi Kerangka OACP MINTRED 27
Analisis Kuadran OACP MINTRED 28 - 29
Risiko, Pelan Tindakan Dan Inisiatif 30 - 40

BAB 4

**TADBIR URUS OACP** **41**

Mekanisme Pelaksanaan 42 - 44
Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP 45
Struktur Tadbir Urus OACP 46 - 48
Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian 49 - 50
Semakan Dan Pembaharuan OACP 51

BAB 5

**PENUTUP** **52**

Kesimpulan 53
Gambar-gambar Program Integriti MINTRED 54 - 60

# BAB 1
# PENGENALAN MINTRED

Latar Belakang

Struktur Organisasi

Hala Tuju Strategi Mintred

Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Nasional Dan Mintred

## Profil MINTRED

Sejak penubuhan pada tahun 1987, Kementerian ini telah melalui beberapa transformasi identiti selaras dengan pengemaskinian portfolio fungsi dan peranan semasa.

Nama Kementerian sejak penubuhan sehingga kini:

**April 1987** - **Kementerian Pembangunan Perindustrian**
*Ministry of Industrial Development (MID)*

**Mei 2016** - **Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawan, Perdagangan dan Pelaburan**
*Ministry of Industrial and Entrepreneur Development, Trade and Investment (MIETI)*

**Mei 2017** - **Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan**
*Ministry of Industrial and Entrepreneur Development (MIED)*

**Sept 2019 - kini** **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan**
*Ministry of International Trade and Industry, Industrial Terminal and Entrepreneur Development (MINTRED)*

Kementerian (kini dikenali sebagai MINTRED) ditubuhkan untuk menerajui pembangunan sektor perindustrian negeri dan pembangunan usahawan bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan. Maka, MINTRED bertanggungjawab merangka polisi dan hala tuju pembangunan sektor perindustrian dan keusahawanan bagi negeri Sarawak. Ini termasuk merancang, mempromosi dan menyelaras pelaksanaan program-program promosi pelaburan dan perdagangan antarabangsa, pembangunan usahawan dan eDagang, pembangunan infrastruktur perindustrian dan perniagaaan, terminal perindustrian (minyak & gas) serta khidmat sokongan industri.

# STRUKTUR ORGANISASI MINTRED



## Visi

Sarawak Sebagai Destinasi
Pilihan Pelaburan Dan Rakan Niaga

## Misi

Memacu Pertumbuhan Perindustrian Dan Usahawan Melalui Fasilitasi, Koordinasi Dan Bantuan Sokongan Yang Efektif

## Objektif

- Peningkatan pelaburan yang berkualiti
- Pertumbuhan dalam nilai eksport
- Pengwujudan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan
- Peningkatan komuniti-komuniti usahawan

## FUNGSI-FUNGSI UTAMA

Dalam menentukan matlamat dan arah tuju pembangunan perindustrian dan keusahawanan bagi negeri Sarawak, fungsi utama MINTRED merangkumi:

- Merangka polisi, strategi dan program bagi pembangunan perindustrian dan keusahawanan serta perdagangan antarabangsa dan e- Dagang.
- Membangun infrastruktur perindustrian dan kemudahan perniagaan untuk menyokong pertumbuhan dan keusahawanan.
- Mempromosi Sarawak sebagai destinasi pelaburan dan rakan niaga
- Memudahkan Pelaburan.
- Membangun kapasiti dan keupayaan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) termasuk usahawan Mikro.
- Pembangunan Industri Halal
- Pembangunan Perindustrian Terminal
- Memproses permohonan lesen/ permit pengilangan dan tanah perindustrian/ kemudahan yang dibangunkan oleh MINTRED.
- Pihak berkuasa bagi Zon Bebas Sama Jaya
- Menyedia penyampaian perkhidmatan dan khidmat sokongan yang berkualiti.

## NILAI-NILAI BERSAMA

Nilai- Nilai Bersama Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak:

- Integriti
- Baik Hati & Prihatin
- Profesionalisme
- Sikap Kesegaran dan Semangat Sepunya
- Semangat Kerja Berpasukan
- Berorentasikan Hasil

## DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

| | | | |
|---|---|---|---|
| **2004<br>Pelan integriti Nasional (PIN)** | **Program Transformasi Kerajaan (GTP)** | **2012<br>Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0)** | **2019-2023<br>Pelan Antirasuah National (NACP)** |

## PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS MINTRED

MINTRED sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, MINTRED telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti membangunkan Polisi Antirasuah MINTRED, melafazkan Ikrar Bebas Rasuah, membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2019 – 2023 dan yang terkini ialah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021 - 2025

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Polisi Antirasuah MINTRED** | **Ikrar Bebas Rasuah** | **Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (2019 - 2023)** | **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)<br>2021 - 2025** |

# BAB 2
# ISU DAN CABARAN

Senario Rasuah di Malaysia

Isu dan Cabaran Menangani Rasuah di Sektor Awam

Analisa Persekitaran dan Penilaian Risiko MINTRED

Bidang Keutamaan yang Berisiko di MINTRED

# SENARIO RASUAH DI MALAYSIA

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- Meminta/ Menerima Rasuah [Seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
- Menawar/ Memberi Suapan [Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009)
- Membuat Tuntutan Palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
- Salah Guna Kuasa [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

## Statistik Data Pesalah Rasuah Mengikut Negeri (2019 - 2020)




**Carta 1**

## Statistik Data Pesalah Rasuah Di Malaysia (2019 - 2020)




**Carta 2**

*Sumber: www.sprm.gov.my*

## Statistik Tangkapan SPRM Di Malaysia (2016-2020)




**Carta 3**



*Sumber: www.sprm.gov.my*

## Sektor Yang Cenderung Kepada Rasuah Di Malaysia (2013 - 2018)

### Carta 4




*Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)*

## ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH DI SEKTOR AWAM

Rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Berdasarkan trend rasuah di Malaysia, sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Secara ringkasnya, isu rasuah boleh dibahagikan kepada 3 bidang:

### TADBIR URUS

- Peruntukan undang-undang yang lapuk atau tidak sesuai yang menjurus kepada kelemahan
- Kelemahan pengurusan maklumat dan proses kerja yang tidak teratur

### KOMPETENSI

- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tidak tepat dan betul
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan
- Penguatkuasaan yang lemah

### INTEGRITI

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas
- Kebocoran maklumat terperingkat
- Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan

## KESAN-KESAN RASUAH KEPADA PENJAWAT AWAM DAN NEGARA

Amalan rasuah adalah kesalahan serius kerana ia memberi impak yang negatif bukan sahaja terhadap imej pentadbiran awan namun turut menjejaskan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat serta boleh mengancam keselamatan negara atau individu.

1. Mengancam keselamatan negara melalui pembocoran maklumat sulit
2. Membahayakan nyawa akibat penggunaan bahan binaan yang kurang berkualiti
3. Ketidakadilan sosial yang membawa kepada penindasan dan menafikan hak ke atas golongan tertentu
4. Mengakibatkan kelemahan penguatkuasaan undang-undang
5. Mempengaruhi kadar pelaburan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar

# ANALISA PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO DI MINTRED

Rasuah adalah isu yang kritikal yang perlu ditangani secara sistematik dan menyeluruh. Untuk itu, MINTRED telah melaksanakan analisa persekitaran organisasi dan penilaian risiko untuk mengenalpasti risiko-risiko yang boleh menjejaskan operasi dan imej organisasi akibat kelemahan governans, isu integriti dan kesalahan rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa. Antara kaedah yang digunakan bagi penilaian tersebut adalah:

1. Panduan dari dokumen NACP dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) MINTRED

2. Mengenalpasti risiko-risiko gevernans, integriti dan antirasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP MINTRED pada 14-16 Oktober 2020

3. Data-data dalaman organisasi seperti aduan, rekod tatatertib, laporan pemeriksaan mengejut, kajian kepuasan pelanggan, penilaian kendiri mengenai pematuhan terhadap prosedur dan peraturan melalui kriteria FMCI dan sistem eCSA, laporan Scorecard bagi semua KPI Kementerian, minit-minit mesyuarat bagi Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Panel Pengurusan Sumber Manusia

4. Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara, SPRM, Unit Sumber Manusia Negeri (SHRU), Polis Diraja Malaysia dan Inspektorat Perbendaharaan Negeri Sarawak

Faktor-faktor berikut diberi perhatian semasa proses penilaian risiko:

- Kelemahan kawalan dalaman (Pemantauan/ Penyeliaan)
- Undang-undang dan peraturan yang lapuk atau sudah tidak sesuai
- Kelemahan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika dalam kalangan warga kerja
- Pegawai Tidak Kompeten
- Proses kerja atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang tidak jelas atau belum dibangunkan
- Penggunaan digital yang masih terhad dalam sistem kerja
- Campur tangan pihak berpengaruh yang mempunyai kepentingan dalam proses membuat keputusan dalam hal berkaitan perolehan dan pengagihan program serta bantuan
- Kelemahan dalam pengurusan maklumat terperingkat
- Kesukaran mengesan perlakuan rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa
- Hukuman kurang tegas dan tidak konsisten

# BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO

Berdasarkan analisa persekitaran dan penilaian risiko organisasi, MINTRED tidak mempunyai rekod berkenaan salah laku rasuah namun risiko wujudnya ruang dan peluang terhadap salah laku integriti, rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa tetap ada.

5 bidang utama telah dikenalpasti yang terdedah kepada risiko governans, salah laku integriti, rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa di MINTRED:

**Pengurusan Program**

Merujuk kepada pengurusan program pembangunan usahawan (pembangunan produk, latihan, promosi dan bantuan kewangan keusahawanan), promosi pelaburan dan perdagangan (seminar, ekspo, misi perdagangan dan pelaburan)

**Pengurusan Projek**

Merujuk kepada tatacara pengurusan sesuatu projek mulai daripada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan sehingga projek berkenaan siap

**Pelesenan**

Merujuk kepada proses permohonan permit/ lesen perkilangan atau bagi lot industri yang dibangunkan oleh MINTRED.

**Perolehan**

Merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja yang menggunakan dana awam

**Tadbir Urus**

Merujuk kepada sistem peraturan, pengurusan dan pentadbiran MINTRED. Tadbir urus yang baik memastikan organisasi menggunakan dana awam dengan cekap dan betul serta penyampaian perkhidmatan adalah cemerlang

# BAB 3
# KERANGKA OACP-MINTRED

Keperluan OACP-MINTRED

Garis Panduan Asas (5As)

Visi, Misi Matlamat dan Strategi (Kerangka Pelan)

Analisis Kuadran

Risiko, Pelan Tindakan dan Inisiatif

# KEPERLUAN OACP-MINTRED

Selaras dengan aspirasi nasional iaitu **"Malaysia Dikenali Kerana Integriti Dan Bukan Rasuah"** dan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan pentadbiran negeri yang cekap dan bersih yang mana masing-masing dilaksanakan melalui arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 dan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020. MINTRED selaku agensi kerajaan komited melaksanakan arahan tersebut demi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat adalah cekap, berkesan, selamat dan adil.

MINTRED tidak mempunyai rekod lampau dalam isu rasuah atau kesalahan disiplin serius, namun berdasarkan analisa persekitaran organisasi dan penilaian risiko rasuah dengan menggunakan kaedah *scenario planning* MINTRED tetap terdedah kepada risiko kesalahan governans, integriti dan rasuah. Bagi menzahirkan organisasi dan warga kerja yang bersih, pembangunan OACP-MINTRED adalah perlu dalam merangka strategi dan inisiatif bagi menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Pembangunan pelan ini memberi tumpuan khas kepada keperluan penambahbaikan terhadap undang-undang/ peraturan berkaitan, kompetensi dan nilai-nilai murni modal insan, kawalan dalaman dan penggunaan digital dalam sistem kerja. Bagi melestarikan budaya kerja berintegriti tinggi serta perkhidmatan cemerlang, tempoh pelaksanaan pelan ini dirangka untuk merangkumi tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Sebuah pelan yang holistik dan inklusif adalah perlu bagi memastikan MINTRED dibarisi oleh penjawat awam yang berintegriti tinggi, professional dan cekap.



# GARIS PANDUAN ASAS

# 5As

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar dan berkesan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka Pelan yang terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan *(Anticipation)*, Advokasi *(Advocacy)*, Persepakatan (Alliance), Tindakan *(Action)* dan Akreditasi *(Accreditation)*.

**Jangkaan (Anticipation)**

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA), yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

**Advokasi (Advocacy)**

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

**Persepakatan (Alliance)**

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

**Tindakan (Action)**

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang-undang sedia ada.

**Akreditasi (Accreditation)**

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian (M&E) untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu/organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.

# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MINTRED

## ASPIRASI

Kementerian Dikenali Kerana Integriti dan Perkhidmatan Cemerlang

## VISI

MINTRED yang Berintegriti Tinggi dan Bebas Rasuah

| MISI | MISI |
| --- | --- |
| Membudayakan Amalan Integriti yang Tinggi dan Perkhidmatan Cemerlang | Menutup Ruang dan Peluang Penyalahgunaan Kuasa , Penyelewengan dan Salah Laku Rasuah |

| MATLAMAT | MATLAMAT |
| --- | --- |
| Meningkatkan Tahap Amanah, Ketelusan dan Kecekapan Dalam Penyampaian Perkhidmatan | Menutup Ruang dan Peluang Penyalahgunaan Kuasa, Penyelewengan dan Salah Laku Rasuah |

## BIDANG KEUTAMAAN

| PENGURUSAN PROJEK | PENGURUSAN PROGRAM | PERLESENAN | PEROLEHAN | TADBIR URUS |
| --- | --- | --- | --- | --- |

## STRATEGI

| | | | | |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| Memperkukuh Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek | Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Pengurusan Program | Memperkukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Proses dan Prosedur dalam Permohonan Lesen Pengilangan/ Tanah Industri | Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan | Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan |

## PELAN TINDAKAN OACP MINTRED

Analisis Kuadran ke atas kerangka OACP MINTRED ini dapat dilihat melalui gambar rajah di bawah. Sebanyak 5 Strategi telah digariskan untuk mencapai pelan ini. Manakala 11 Objektif Strategi telah dikenalpasti bagi mendukung strategi untuk mencapai sasaran yang dimanifestasikan dalam bidang keutamaan pelan. 38 inisiatif yang dikenalpasti perlu dicapai dan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun (2021-2025).




| Kuadran | Maksud |
|---|---|
| Impak | Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif |
| Kompleksiti | Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif |

# HASIL ANALISIS KUADRAN




# STRATEGI BIDANG KEUTAMAAN

**STRATEGI 1**

Memperkukuh Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek

**STRATEGI 2**

Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Pengurusan Program

**STRATEGI 3**

Memperkukuhkan Kecekapan Dan Keberkesanan Proses Dan Prosedur Dalam Permohonan Lesen Pengilangan/ Tanah Industri

**STRATEGI 4**

Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan

**STRATEGI 5**

Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

## BIDANG STRATEGI 1: PENGURUSAN PROJEK

| No | Initiatif | Kuadran | Peneraju |
|---|---|---|---|
| 1 | Menyediakan SOP (Standard Operating Procedure) bagi perancangan pelaksanaan sesuatu projek yang merangkumi kajian pra-pelaksanaan projek | A | Seksyen Infrastruktur |
| 2 | Menyediakan SOP untuk pengesahan maklumat kuantiti/ kualiti bahan binaan projek | A | Seksyen Infrastruktur |
| 3 | Menambahbaik SOP pemantauan & penyeliaan projek | B | Seksyen Infrastruktur |
| 4 | Memberi latihan khusus kepada pegawai yang membuat pemantauan & penyeliaan projek | A | Unit Sumber Manusia |
| 5 | Melantik jurutera onsite bagi mengesahkan prestasi projek | B | Unit Sumber Manusia |
| 6 | Mewujudkan pangkalan data prestasi bagi pembekal-pembekal | A | Seksyen yang terlibat |
| 7 | Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai yang terlibat | A | Unit Sumber Manusia & Unit Integriti |
| 8 | Mewujudkan garis panduan bagi pengendalian maklumat dalaman pejabat | B | Unit Sumber Manusia & Unit Integriti |
| 9 | Mewujudkan garis panduan bagi pengendalian mesyuarat secara maya dan fizikal | A | Unit Sumber Manusia & Unit Integriti |
| 10 | Mewujudkan database/data center bagi menyimpan dan menguruskan maklumat projek yang hanya boleh diakses oleh pegawai bertanggungjawab sahaja | A | Seksyen yang terlibat |

# BIDANG STRATEGI 2: PENGURUSAN PROGRAM

| No | Initiatif | Kuadran | Peneraju |
|---|---|---|---|
| 11 | Menambahbaik SOP pengagihan program/ bantuan | A | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 12 | Memaklumkan program dan bantuan melalui media sosial/ massa seperti radio, laman web, surat khabar, etc) agar seluruh Negeri maklum akan program/ bantuan tersebut | A | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 13 | Menyediakan perancangan tahunan berhubung pengagihan program / bantuan / info yang teliti dan terperinci | A | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 14 | Meningkatkan sistem permohonan bantuan kewangan melalui digital | B | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 15 | Menyediakan SOP bagi pemilihan pembekal perkhidmatan bagi pelaksanaan program | A | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 16 | Pegawai menghadiri Program Pemantapan Integriti | A | Unit Sumber Manusia |
| 17 | Menyemak semula dan memperkukuhkan Standard of Procedure (SOP) bantuan kewangan | A | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 18 | Memastikan pegawai penilai tidak mempunyai kepentingan dengan pemohon | A | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 19 | Memastikan pegawai penilai yang berkelayakan dan dilantik sahaja untuk menilai permohonan | A | Bahagian Pembangunan Usahawan |
| 20 | Penyediaan SOP dan Jawatankuasa dalam proses pemilihan pembekal perkhidmatan/kontraktor | A | Pemilik Projek/ Program |
| 21 | Mengeluarkan surat peringatan berkenaan larangan perkongsian maklumat sulit/rahsia dalaman kepada pihak luar | A | Seksyen Khidmat Pengurusan |
| 22 | Meningkatkan disiplin dan nilai-nilai murni/ nilai-nilai bersama (shared values) | A | Unit Sumber Manusia |
| 23 | Latihan dan auditan terhadap kawalan dokumen terperingkat agensi | A | Seksyen Khidmat Pengurusan |

## BIDANG STRATEGI 3: PELESENAN

| No | Initiatif | Kuadran | Peneraju |
|---|---|---|---|
| 24 | Menambahbaik SOP bagi proses kerja yang belum didokumenkan | A | Pelesenan |
| 25 | Latihan kompetensi bagi semua pegawai yang terlibat dalam proses kerja | A | Pelesenan |
| 26 | Memantapkan dan mendokumentasikan senarai semak permohonan | A | Pelesenan |
| 27 | Menambahbaik SOP sedia ada iaitu menugaskan lebih daripada seorang pegawai untuk lawatan ke tapak kilang | A | Pelesenan |
| 28 | Menghadiri program-program integriti | A | Unit Sumber Manusia |
| 29 | Mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai/kakitangan terbabit | B | Unit Sumber Manusia & Unit Integriti |
| 30 | Membentangkan Laporan Pemantauan Projek dalam Mesyuarat Project Implementation Coordination Committee (PICC) | A | Pelesenan dan Jabatan Tanah & Survei |

## BIDANG STRATEGI 4: PEROLEHAN

| No | Initiatif | Kuadran | Peneraju |
|---|---|---|---|
| 31 | Mengeluarkan surat peringatan bagi permohonan pesanan yang lengkap ke Unit Kewangan tidak lewat dari tarikh bekalan/ perkhidmatan yang diperlukan | A | Unit Kewangan |
| 32 | Mengambil tindakan surcaj/ tatatertib terhadap pegawai yang gagal mematuhi peraturan kewangan | A | Unit Kewangan |
| 33 | Melarang anggota pentadbiran & individu berpengaruh untuk membuat sokongan secara langsung bagi pembekal/kontraktor tertentu | A | Pemilik Program/ Projek |
| 34 | Memastikan proses pemilihan pembekal/kontraktor adalah selaras dengan Tatacara Perolehan | A | Pemilik Program/ Projek |
| 35 | Keputusan pemilihan pembekal/kontraktor dilaksanakan oleh jawatankuasa sebut harga/tender kementerian dan tidak melibatkan pegawai yang mempunyai conflict of interest | A | Pemilik Program/ Projek |
